

| | | | |
|-------------------|---|--------------------|---------------------------|
| Headline | Gabungan bil air,IWK dilaksana tahun ini | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 17 Jan 2019 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 112,705 |
| Page No | 23 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 146 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,729 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 17,187 |



Kuala Lumpur: Penggabungan bil bekalan air dengan bil pembetungan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) dijangka dapat dilaksanakan sepenuhnya pada tahun ini.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr A Xavier Jayakumar berkata, perbincangan dilakukan ketika ini antara Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), IWK dan kerajaan negeri mengenai mekanisme untuk melaksanakan penggabungan bil itu.

Katanya, kejayaan penggabungan bil air dan IWK di Labuan akan dijadikan panduan dalam pelaksanaannya di negeri lain.

“Selepas penggabungan bil air dan IWK di Labuan dilaksanakan, kita mendapati ada peningkatan dalam hasil kutipan kedua-dua bil itu sehingga 94 peratus.

“Ini menunjukkan penggabungan kedua-dua bil itu

Gabungan bil air,IWK dilaksana tahun ini



DR Xavier

tidak menimbulkan masalah kepada pengguna, walaupun kita menerima maklum balas negatif, di samping positif, mengenai perkara ini,” katanya pada sidang media Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Institut Penyelidikan Perhu-

tan Malaysia (FRIM) dengan IWK di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod dan Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Faizal Othman.

Pada September tahun lalu, Xavier dilaporkan berkata, penggabungan bil bekalan air bersama bil pembetungan IWK mungkin dilaksanakan di Selangor, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur susulan kejayaan di Labuan dua tahun lalu.

Sejak 1994, IWK mengambil alih perkhidmatan pembetungan daripada semua pihak berkuasa tempatan (PBT) kecuali Kelantan, Sabah, Sarawak, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang.